



SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Perdana Menteri lancar SIMS MPOB

KUALA LUMPUR, 8 Nov 2023 – Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim hari ini melancarkan Sistem Pengurusan Pintar Sawit (SIMS), sebuah sistem yang dibangunkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) untuk memudahkan pengurusan transaksi data di sepanjang rantaian bekalan sawit selaras dengan ekonomi digital negara.

Sistem ini bertujuan untuk menggalakkan pengawalseliaan kendiri, mengurangkan pengawasan Kerajaan dan menyediakan ciri mesra pengguna, keselamatan yang dipertingkatkan dan membantu membuat keputusan yang penting.

Selain daripada memudahkan pemegang lesen untuk mematuhi keperluan kawal selia MPOB, SIMS membolehkan pengurusan maklumat yang komprehensif, meningkatkan kecekapan industri dan penjimatan kos serta menyusun data untuk membolehkan pemantauan dan pengesahan yang lancar di seluruh rantaian bekalan sawit.

Terdapat keperluan yang mendesak untuk pembangunan sistem pengurusan maklumat berpusat. Dengan memanfaatkan teknologi terkini, pembangunan SIMS bertujuan untuk menangani keperluan pihak berkepentingan industri sawit kerana

sistem itu berusaha untuk meningkatkan kecekapan, menyelaraskan proses, dan memenuhi keperluan industri yang sedang berkembang.

SIMS mempunyai pelbagai kelebihan dengan memperkasakan pihak berkepentingan, menggalakkan kawal selia kendiri, meningkatkan penyampaian perkhidmatan, menggalakkan ketelusan, memudahkan pematuhan dan memperkemas proses pengurusan maklumat.

Sistem ini meningkatkan pemantauan transaksi produk sawit dengan menggunakan maklumat yang diberikan oleh pemegang lesen melalui sistem. Ia merekod dan menjelaki maklumat urus niaga produk sawit yang merangkumi statistik jualan dan pembelian serta menjana dan menyerahkan rekod harian secara automatik. Ia juga menyediakan akses kepada urus niaga buah tandan segar (BTS) termasuk harga pembelian BTS.

Pekebun kecil dan pemilik ladang boleh mengakses data transaksi terperinci BTS dan membandingkan harga pembelian BTS yang ditawarkan oleh peniaga BTS. Peniaga dan pengilang boleh merekodkan transaksi perniagaan, menyerahkan rekod harian dan melihat statistik.

MPOB akan menganjurkan jerayawara di seluruh negara untuk menerangkan secara terperinci penggunaan sistem ini yang akan berkuatkuasa pada Julai 2024. "MPOB akan mendidik dan membiasakan pemegang lesen dalam penggunaan SIMS yang cekap dan kos efektif.

SIMS menyediakan maklumat komprehensif untuk membuat keputusan yang berkesan untuk Kerajaan dan MPOB. Sistem tersebut memperkuuh penyampaian perkhidmatan sektor agrikomoditi melalui teknologi digital untuk meningkatkan kecekapan.

Platform kebolehkesanan ini berfungsi sebagai sistem pengumpulan data yang berupaya menjelaki dan memantau maklumat transaksi produk minyak sawit. Ia dibangunkan untuk memastikan pematuhan kepada perundangan terutamanya Peraturan Penyahutanan Kesatuan Eropah (EU DR). Penyimpanan rekod yang teliti

adalah penting untuk memenuhi keperluan EUDR, yang mewajibkan data komprehensif dan kebolehkesanan merentas rantai bekalan.

-tamat-